

DATE: 2/8/2010

# Pelabur tiada dana punca FDI merosot

Peniaga luar melabur di negeri sendiri: Dr M

Oleh Nazura Ngah  
nazura@bharian.com.my

**P**UCHONG: Tun Dr Mahathir Mohamad menjelaskan kemerosotan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini disebabkan pelabur tidak mempunyai dana untuk berbuat demikian.

Bekas Perdana Menteri berkata, kebanyakan pelabur asing lebih berminat melabur di negara sendiri yang mempunyai kadar pengangguran tinggi.

"Hari ini, kebanyakan ne-

gara dan ahli perniagaan luar negara tidak mempunyai wang untuk dilabur dan mereka mahu melabur di negara mereka kerana mereka masih dibelenggu kadar pengangguran tinggi.

"Oleh itu kita tidak boleh menjangkakan lebih banyak FDI dibawa masuk ke negara ini," katanya selepas perasmian sambutan ulang tahun The Loaf Bakery & Bistro (The Loaf) keempat, di IOI Boulevard, di sini, semalam.

Hadir sama isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengarah Uru-

san The Loaf, Jiro Suzuki.

Beliau ditanya mengenai kejatuhan FDI yang dicatatkan Malaysia sebanyak 81 peratus tahun lalu iaitu kepada AS\$1.38 bilion (RM4.22 bilion) berbanding AS\$7.31 bilion (RM23.39 bilion) pada 2008.

Sebelum ini, Ketua Eksekutif CIMB Group Holdings Bhd, Datuk Seri Nazir Razak turut dilaporkan berkata terlalu banyak perbincangan mengenai pelaksanaan Model Baru Ekonomi (MBE) menyebabkan lebih banyak kekeiruan timbul di kalangan pe-



MAHATHIR bersama Hasmah (kanan), Suzuki (kiri) dan ibunya Puan Seri Motoko Suzuki memotong kek ulang tahun keempat The Loaf di Puchong, semalam.

labur selain menyifatkan tempoh ketidakpastian itu tidak sihat untuk ekonomi negara.

Mengulas mengenainya, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu mengkaji sama

ada kenyataan itu tepat atau sebaliknya.

Sementara itu, The Loaf kini memiliki empat cawangan sejak beroperasi empat tahun lalu dengan cawangan pertama diwujudkan di Te-

laga Harbour Park di Langkawi, diikuti The Pavilion, Kuala Lumpur pada 2007. The Loaf di Empire Shopping Gallery di Subang Jaya dan IOI Boulevard mula beroperasi beberapa bulan lalu.